

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**HMT 327 – Wacana dan Pragmatik**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Jawab EMPAT soalan. Soalan 1 daripada **Bahagian A** WAJIB dijawab. Jawab TIGA soalan daripada **Bahagian B**.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

... 2/-

**Bahagian A: Soalan WAJIB dijawab.**

1. Jawab soalan [a], [b] DAN [c] dengan menggunakan wacana bahasa talian di dalam **Data 1**.

<b>Data 1</b>	
<b>Dimasukkan oleh</b>	<b>Tajuk Topik : belajar: bahasa inggeris</b>
<b><u>tuansentang</u></b> Ahli Baru	<p>4. Dihantar pada 29 Julai 2002 15:21:01 <a href="#">[Edit]</a></p> <hr/> <p>.....kekekek baca kamus...???...bley laa tu....tapikan kalu kita pk..kita dah blajar omputeh ni dr darjah satu sampai spm...pas tu ada yg sambung kat U lagi..mau dekat 15thn..secara formal....banyak gak benaknya ....cuba kompare ngan mandor estete... kekekek... darjah 6 pon tak abis...tapi speking berabuk.....ni termasuk aku laa tuh.....</p> <p>yatt ..aku cuba jugak baca sokabar omputeh.....bayank yg tak paham pada paham nya.....agaknye kena kawen nagn cikgu ngajar omputeh kot.. kekekekekekek....</p> <p style="text-align: right;">IP : 192.55.20.36</p>

Sumber: <http://www.melayu.com/sebang2/mesej.php?1.0000000182>

- [a] Telitikan dan analisis aspek linguistik wacana di dalam **Data 1**.  
[15 markah]
- [b] Gunakan pendekatan etnografi pertuturan Hymes (1964) dengan akronim *S.P.E.A.K.I.N.G.* untuk menganalisis aspek konteks di dalam **Data 1**.  
[15 markah]
- [c] Tuliskan semula teks **Data 1** ke dalam bahasa Melayu standard dan berikan interpretasi kepada teks tersebut .  
[10 markah]

...3/-

**Bahagian B:** Jawab TIGA soalan.

2. Jawab soalan [a] DAN [b] menggunakan wacana hipotetikal kreatif (puisi) di dalam **Data 2**.

**Data 2**

**Kutemui Janji**

tak perlu kau berninabobok  
sambil menggonggong apologi  
kerana di ujung gang ini akhirnya kutemui ia  
sedang berkelejaman menahan erang perih  
dan darah yang mengucur dari rongganya  
membasahi tampangku tatkala ia membisiki  
kuping dengan sendu lirik  
aku ditusuki oleh belati waktunya yang beringas  
lantaran menggedor pintu ingat tentang dirimu

Sumber: Mingguan Malaysia (14 November 2004)

- [a] Huraikan peranti kohesi perujukan personal (yang digaris) di dalam **Data 2** dari segi yang dirujuk dan jenis rujukannya

[12 markah]

- [b] Interpretasikan **Data 2** di atas. Apakah kesulitan yang anda hadapi dalam proses menginterpretasi data tersebut dan bagaimanakah anda mengatasi kesulitan ini?

[8 markah]

... 4/-

3. Jawab soalan [a] DAN [b].

[a] Apakah yang anda fahami dengan implikatur dan kaitannya dengan maksim pertuturan?

[10 markah]

[b] Berdasarkan **Data 3** [i], [ii], [iii] dan [iv] yang berikut tentukan maksim pertuturan yang telah dilanggar dan implikatur anda terhadap pasangan perbualan tersebut.

[10 markah]

Data 3		
[i]	X: Y:	Kerja rumah yang cikgu beri semalam sudah selesaikah? Saya basuh kain tadi.
[ii]	X: Y:	Engkau tinggal di mana? Saya tinggal di Blok 2D-03-03 Mutiara Idaman, Solok Tengku 11600 Jelutong, Pulau Pinang
[iii]	X: Y:	Kura-kura ialah sejenis haiwan laut. Bukankah kura-kura sejenis kuih?
[iv]	X: Y:	Pihak kami ingin menyunting bunga yang sedang mekar di taman tuan. Kalau di taman saya bunga tahi ayam adalah!

4. Jawab soalan [a] DAN [b]. Soalan [b] menggunakan petikan wacana perbualan hipotetikal di dalam **Data 4**.

[a] Huraikan niat fungsian penutur dari segi lakuan lokusionari dan ilokusionari dalam teori lakuan bahasa yang diperkenalkan oleh Austin (1962) dan Searle (1969).

[12 markah]

[b] Tunjukkan cara analisis niat fungsian penutur dapat membantu anda menginterpretasi wacana di dalam **Data 4** yang berikut.

[8 markah]

**Data 4**

Suami: Telefon berbunyi tu.  
Isteri: Saya sedang mandi.  
Suami: Okay.

5. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai bincangkan secara ringkas perkara berikut:-

[a] Inferen (luaran dan dalaman) dan fakta

[10 markah]

[b] Teks dan konteks

[10 markah]

6. Dengan menggunakan contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu jawab soalan [a], [b] DAN [c].

[a] Apakah maksud ayat takbiran?

[5 markah]

[b] Senaraikan DUA pasang ayat takbiran searah dan DUA pasang ayat takbiran dwiarah.

[10 markah]

[c] Tunjukkan cara anda memanfaatkan konsep takbiran untuk membuat inferen dan menentukan makna pragmatik.

[5 markah]